

10 NOV 2001

Mahathir-Cina

DR MAHATHIR REDAKAN RASA BIMBANG MASYARAKAT CINA TERHADAP NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Malaysia, walaupun mengisytiharkan dirinya sebagai negara Islam, ia tidak akan menggugat hak bukan Islam yang tinggal di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Hak anda tetap kekal sebagai hak anda. Penduduk Cina di Malaysia tetap kekal sebagai rakyat Malaysia sama seperti yang telah mereka nikmati sejak negara ini mencapai kemerdekaan," kata beliau.

Dr Mahathir telah meredakan rasa bimbang masyarakat Cina mengenai isu negara Islam apabila beliau berucap pada ahli perniagaan Cina pada majlis makan malam Gabungan Dewan Perniagaan China Malaysia (ACCCIM) di sini malam ini.

"Kita tidak berhasrat untuk menghalang atau mengurangkan hak anda di negara ini. Kita tidak akan menukar apa-apa...tidak akan meminda perlembagaan...," tambah beliau.

Beliau berkata walaupun kerajaan mengumumkan Malaysia sebagai negara Islam, ia tidak bermakna tidak ada tempat, tidak ada kebebasan bagi bukan Islam dan adalah tidak salah bagi mereka menganggap Malaysia sebagai negara sekular kerana tiada halangan untuk berbuat apa sahaja asalkan ia mengikut undang-undang negara.

Beliau berkata sebab disebaik pengisytiharan kerajaan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam kerana permintaan pihak pembangkang yang mahu tahu pendirian Barisan Nasional mengenai isu itu.

"Saya berharap masyarakat Cina tidak bimbang dengan kenyataan itu, jangan pergi ke sana ke sini dan berkata bahawa kerajaan akan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan hak bukan Islam...Ini tidak benar sama sekali," tegas beliau.

"Tolong jangan dengar cakap orang yang mahu jadikan perkara ini sebagai isu. Pihak pembangkang tidak akan keluar bercakap tentang pendirian mereka kerana mereka menipu orang bukan Islam dengan tidak menyatakan apa yang mereka mahu."

"Saya rasa mereka mahukan Malaysia menjadi negara Islam seperti Afghanistan. Jika pembangkang mahu kerajaan Malaysia dibentuk sebagai Taliban sudah tentunya mereka tidak menyokong bukan Islam pada pilihan raya. Mereka mahu menipu bukan Islam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia berbilang bangsa hidup, bermain dan tinggal bersama. "Kita perlu kelakkan cara ini," tambah beliau.

-- BERNAMA.

DC SR ZB